



## **KENYATAAN MEDIA**

**OLEH**  
**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

Pejabat saya telah menerima satu Usul bertarikh 29 Julai 2021 oleh YB Ipoh Barat.

Usul tersebut mempunyai hal-hal yang bersangkutan dan mengenai Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun. Sebagaimana yang diketahui umum, Tan Sri Idrus Harun ialah abang kandung saya.

Oleh kerana itu, saya telah membuat keputusan untuk **mengecualikan diri saya daripada membuat apa-apa keputusan** mengenai, berkenaan ataupun yang bagaimana jua pun berkaitan dengan Usul tersebut.

Apa-apa keputusan mengenai, berkenaan ataupun yang bagaimana jua pun berkaitan dengan Usul tersebut saya serahkan kepada Timbalan-timbalan Yang di-Pertua mengikut kedudukan kekanan mereka iaitu, pertamanya, YB Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon dan keduanya YB Dato' Sri Azalina Othman Said.

Saya tidak akan campur tangan di dalam apa cara sekalipun di dalam pelaksanaan tugas Timbalan-timbalan Yang di-Pertua di dalam hal berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

31 Julai 2021  
Parlimen Malaysia  
KUALA LUMPUR